



**PENGAMBILAN PEGAWAI KEBUDAYAAN
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH**

Untuk makluman, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah akan membuat sesi temuduga untuk kekosongan Jawatan Pegawai Kebudayaan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

Sesiapa yang berminat menghadiri sesi temuduga dan ingin mendapatkan maklumat terperinci, mohon rujuk syarat-syarat kelayakan di “**LAMPIRAN 2**” berserta borang permohonan jawatan yang telah disediakan.

Untuk pertanyaan lanjut berkaitan dengan iklan ini, sila hubungi dialamat yang berikut:

**Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
Tingkat 3-6 Bangunan Wisma Budaya
Jalan Tunku Abdul Rahman
88000 Kota Kinabalu.
No.Tel : 016-5849967 (Azlan Makim)
016-8356876 (Yeni Kasitin)**

***TARIKH TUTUP PERMOHONAN
PADA 19 MEI 2023**

Sekian dan terima kasih.

“SABAH MAJU JAYA”



**IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI KEBUDAYAAN
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan Pegawai Kebudayaan, Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS). Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah:-

- | | |
|-----------------------------|--|
| 1. Nama Jawatan | : Pegawai Kebudayaan |
| 2. Klasifikasi Perkhidmatan | : Perkhidmatan Kemahiran |
| 3. Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 4. Bilangan Kekosongan | : Satu (1) Jawatan |
| 5. Tempat Kekosongan | : Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah |
| 6. Taraf Jawatan | : Pekerja Sambilan Harian (PSH) |
| 7. Jadual Gaji | : Rm 72.00 Sehari |

8. **Syarat Lantikan :-**

- a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah.
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- c) Mempunyai Sijil Kelayakan SPM, Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia dan Diploma.
- d) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu.
- e) Boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- f) Diploma dalam bidang komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

“SABAH MAJU JAYA”

9. Kriteria yang diperlukan :-

- a) Keutamaan kepada yang mempunyai pengalaman dalam pengacaraan tv, video dan radio.
- b) Kreatif dan inovatif.
- c) Boleh bertugas tanpa mengira waktu.
- d) Mahir dengan media sosial.
- e) Berpewatakan menarik.

10. Cara Memohon

Borang Permohonan boleh didapati daripada :

**Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah,
Tingkat 4, Wisma Budaya
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88800 Kota Kinabalu, Sabah.**

Atau

Memuat turun dari laman sesawang : culture.sabah.gov.my

Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan *Resume* yang lengkap dan disertakan dengan satu salinan Sijil Akademik, Kad Pengenalan, dan sekeping gambar berukuran pasport.

11. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan hendaklah diterima oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah selewat-lewatnya pada **19 Mei 2023 (Jumaat)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

12. Alamat Penghantaran

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah;

**Pengurus Besar
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah,
Tingkat 4, Wisma Budaya
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88800 Kota Kinabalu, Sabah.
E-mel : sumbermanusiaikns@gmail.com**

“SABAH MAJU JAYA”

13. Hanya permohonan yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temuduga bagi jawatan ini.
14. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh tiga (3) bulan dari **tarikh tutup** permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
15. Pihak LKNS tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temuduga tersebut.
16. Hanya calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan